

CNS7926

U GB 12-10 00226 BA491

AAB

880,000 KAKITANGAN KERAJAAN DAPAT KENAIKAN GAJI 8 PERATUS

LEAD Mahathir - Gaji

KUALA LUMPUR, 12 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengumumkan kenaikan gaji sebanyak lapan peratus bagi 880,000 kakitangan kerajaan, berkuatkuasa 1 Jan 1989.

Kenaikan itu dikira berdasarkan gaji pokok hakiki setiap kakitangan kerajaan dan ia termasuk pemberian lima peratus kenaikan gaji sementara yang dibayar mulai 1 Jan lepas.

Perdana Menteri, yang mengumumkan kenaikan gaji itu dalam satu pertemuan dengan para pemimpin kesatuan sekerja sektor awam di pejabatnya di sini berkata, pemberian faedah itu ialah bagi tempoh 1 Jan 1989 hingga 31 Dis 1991.

Selepas 1 Jan 1992, kerajaan akan mengamalkan sistem pembayaran gaji yang baru bagi sektor awam, yang dinamakan sistem saraan baru, yang diputuskan oleh Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Gaji Sektor Awam, katanya pada persidangan akhbar selepas pertemuan itu.

Mengikut sistem baru itu, yang akan menekankan faktor-faktor fleksibiliti, produktiviti dan pertumbuhan ekonomi negara, akan turut menyediakan bonus bagi kakitangan kerajaan selain daripada kenaikan gaji antara lapan dan 10 peratus mengikut kategori perkhidmatan masing-masing.

Jawatankuasa, yang dipengerusikan Datuk Seri Dr Mahathir itu, juga dianggotai Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba, Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Menteri Sumber Manusia, Datuk Lim Ah Lek dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abang Abu Bakar Mustapha. -- Lagi.

♥12/10/13-22MST

CNS7938

U GB 12-10 00171 BA493

AAB

Mahathir - Gaji 2 Kuala Lumpur

Perdana Menteri berkata, pembayaran tunggakan bagi tempoh tiga tahun itu melibatkan perbelanjaan sebanyak \$1,780.12 juta manakala kos tambahan untuk tahun pertama bagi melaksanakan sistem gaji baru itu dianggarkan sebanyak \$1,120 juta.

Beliau berkata, ini ialah pembayaran terbesar yang dibuat oleh kerajaan dalam pelarasan gaji kakitangan kerajaan.

Bagi tujuan mengurangkan kesan kepada keadaan inflasi daripada pembayaran tunggakan itu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, pembayaran akan dibuat melalui beberapa cara yang sesuai termasuk caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, bon, sijil simpanan Bank Simpanan Nasional dan juga bayaran terus secara berperingkat-peringkat.

Datuk Seri Anwar, yang turut hadir pada persidangan akhbar itu berkata, Kementerian Kewangan sedang menyiapkan butiran mengenai cara pembayaran tunggakan itu.

Katanya, bagaimanapun, mereka yang berpendapatan kurang daripada \$1,000 sebulan dijangka mendapat tunggakan mereka secara bayaran terus.

Pada persidangan akhbar itu, Datuk Seri Dr Mahathir juga meminta para peniaga agar tidak menaikkan harga barang-barang kerana kenaikan gaji itu bagi mengawal inflasi. -- Lagi.

♥12/10/13-46MST

CNS7951

U GB 12-10 00133 BA498

AAB

Mahathir - Gaji 3 Kuala Lumpur '''

Menurut beliau, para pemimpin CUEPACS dan Majlis Bersama Kebangsaan (MBK) yang menghadiri perjumpaan itu pada dasarnya telah bersetuju dengan kenaikan lapan peratus dan keputusan kerajaan mengamalkan sistem gaji baru itu.

Katanya, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Kementerian Kewangan akan mengadakan perjumpaan dengan wakil-wakil pekerja bagi menerangkan struktur baru itu.

Setiausaha Agung CUEPACS, Encik A.H. Ponniah, yang juga setiausaha Majlis Penyelaras bagi MBK berkata, para pemimpin kesatuan berpuas hati dengan keputusan kerajaan itu.

Katanya, bagaimanapun, kongres itu perlu membincangkannya dengan lebih lanjut sebelum membuat pendirian mengenai perkara itu.

Perjumpaan dengan Perdana Menteri itu, yang turut dihadiri oleh Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid dan para pegawai JPA, berlangsung lebih dua jam. -- Bernama.

♥12/10/14-15MST